

SOALAN NO. :56

DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]

**TARIKH :** 4 APRIL 2018

**SOALAN :**

**Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah bentuk kekerapan pemantauan dan hasil rundingan dengan Kerajaan-kerajaan negeri dalam memastikan kawasan hutan simpan terus terpelihara.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan, Majlis Tanah Negara (MTN) diwujudkan untuk membentuk suatu dasar negara dalam memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan dan lain-lain dalam usaha meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesan pentadbiran tanah negara. Majlis Tanah Negara bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun dan mengikut keperluan.

Di peringkat nasional, Persidangan Perhutanan Malaysia telah diadakan sekali bagi setiap dua tahun bertujuan membincangkan isu-isu semasa berkaitan pengurusan, pentadbiran dan pembangunan sumber hutan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Selain dari itu, Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia juga diadakan setiap tahun bagi memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.